Aktiviti 5

Lengkapkan teks dengan kata ganda.

Bilik Muzik Warisan

Sekolah Seha mempunyai sebuah bilik muzik. Bilik itu diberikan nama Bilik Muzik Warisan. Selain alat muzik biasa, _____ (macam) alat muzik tradisional turut disimpan di bilik itu.

Bilik muzik itu dibuka kepada _____ (murid) pada waktu rehat. Seha dan _____nya (rakan) suka ke situ. Walaupun bilik itu tidak berkunci, mereka tetap menunggu kehadiran guru bertugas sebelum memasuki bilik itu.

Mereka seronok bermain dengan _____ (alat) muzik di situ. Mereka ber_____ (hati) ketika menggunakan alat itu. Walaupun ada yang tidak pandai, namun mereka tidak _____ (segan) untuk mencuba. Sebab itulah, _____ (riuh) dan _____ (hiruk) suasana di bilik itu pada waktu rehat.

Peralatan muzik di Bilik Muzik Warisan terjaga dengan baiknya walaupun dikunjungi oleh ber_____ (belas) murid pada setiap waktu rehat. Mereka bukan sahaja menjaga peralatan muzik tersebut, malah ber_____ (sama) menjaga keadaan bilik itu.

Nota

- Minta murid melengkapkan teks dengan kata ganda yang betul.

5.2.3
BT2: 73